## KREATIVITI DAN INOVASI creativity and innovation

### Pengerusi Chairman

Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkipli Abdul Razak  
AlBukhary International University

### Ahli-Ahli Members

Y. Bhg. Tan Sri Abd. Ghafar Mahmud  
Kementerian Pelajaran  
Ministry of Education

Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Dato' Mohamed Najib Ahmad Dawa  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Sultan Idris University of Education

Y. Bhg. Datuk Ahmad Shukri Tajuddin  
Senai Hi-Tech Park

Y. Bhg. Datuk Kamaruzaman Che Mat  
Bank Rakyat

Y. Bhg. Prof. Dr. Zainul Fadziruddin Zainuddin  
Universiti Sains Malaysia

Y. Bhg. Dr. Sidney Yee  
Universiti Sains Malaysia

Y. Bhg. Dr. Raslan Ahmad  
Yayasan Inovasi Malaysia  
Malaysian Foundation for Innovation

Cik Yasmin Mahmood  
YTL Communications Sdn. Bhd.

En. Abang Othman Abang Yusof  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Ministry of Science, Technology and Innovation

En. Abdullah Fadzil Harun  
Agensi Inovasi Malaysia  
Malaysia Innovation Agency

PEMBUATAN  
manufacturing

Pengerusi **Chairman**

Y.Bhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw  
Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia  
**Federation of Malaysia Manufacturers**

Ahli-Ahli **Members**

Y. Bhg. Dato' Dr. Ong Eng Long  
**Kossan Rubber Industries Berhad**

Y. Bhg. Dato' Abd Majid Kutiran  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
**Ministry of International Trade and Industry**

Y. Bhg. Prof. Dr. Shaari Mohd Yusof  
Universiti Teknologi Malaysia  
**University of Technology, Malaysia**

Y. Bhg. Ir. Vincent Chen Kim Kieong  
Institut Jurutera Malaysia  
**The Institution of Engineers, Malaysia**

En. Sofiyah Yahya  
**Malaysian Oil and Gas Services Council**

En. W. M. Naim Shukri Mohamad  
Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia  
**Malaysian Trade Union Congress**

En. Basil Sim  
**Spirit Aerosystems Malaysia**

En. Subramaniam a/l Karuppan  
**The Electrical and Electronics Association of Malaysia**

PELANCONGAN  
tourism

Pengerusi **Chairman**

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Azman Shah Haron  
**Antara Holiday Villas**

Ahli-Ahli **Members**

Y. Bhg. Dato' Anthony K. S. Yeo  
**Resorts World Berhad**

Y. Bhg. Dato' Dr. Ong Hong Peng  
Kementerian Pelancongan  
**Ministry of Tourism**

Y. Bhg. Dato' Mohd Ilyas Zainol Abidin  
**Malaysia Association of Hotels**

Y. Bhg. Dato' Mohd Khalid Harun  
Persatuan Agensi-agensi Pelancongan  
dan Pengembaran Malaysia  
**Malaysia Association of Tour and Travel Agents**

Y. Bhg. Dato' Mirza Mohammad Taiyab  
Kementerian Pelancongan  
**Tourism Malaysia**

Y. Bhg. Dato' Mohd Sahar Darusman  
Kementerian Sumber Manusia  
**Ministry of Human Resources**

Y. Bhg. Datuk Dr. Muhamad Nasir Hamzah  
**Malaysia Budget Hotel Association**

Y. Bhg. Prof. Dr. Ghazali Musa  
Universiti Malaya  
**Malaya University**

En. Azman Hj. Tambi Chik  
**Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.**

Tn. Syed Ismail Barakbah  
**Holiday Villa Subang**



# ANJAKAN PARADIGMA DALAM BERDAYA SAING

PARADIGM SHIFT IN COMPETITIVENESS



1

# Daya Saing Global

## global competitiveness

### Daya Saing Global

Dalam usaha meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa, MPC telah dipertanggungjawabkan untuk memantau prestasi daya saing negara. Hasrat ini adalah seiring dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020. Selaras dengan itu, beberapa program utama telah dan sedang dijalankan untuk mencapai hasrat tersebut.

Di antara program-program yang telah dan sedang dilaksanakan di peringkat dalaman adalah melalui kerjasama rapat dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain iaitu dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja dan Kumpulan Kerja bagi Meningkatkan Daya Saing serta Kumpulan Perancangan Antara Agensi (IAPG) bagi Data Daya Saing. Manakala, di peringkat antarabangsa termasuk mengukuhkan hubungan kerjasama dengan Rakan Institusi (Partner Institute), mengadakan lebih banyak perbincangan dan lawatan ke organisasi antarabangsa.

Pemantauan prestasi daya saing negara dibuat secara lebih tersusun dan berstruktur dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja dan Kumpulan Kerja Meningkatkan Daya Saing serta Kumpulan Perancangan Antara Agensi (IAPG). Jawatankuasa Kerja Meningkatkan Daya Saing berperanan membangunkan polisi negara bagi menangani isu-isu daya saing jangka pendek dan panjang, untuk memberi keutamaan isu-isu daya saing yang memberi impak yang besar ke atas produktiviti, taraf hidup dan kepimpinan dalam pasaran global, dan untuk bekerjasama dengan badan-badan dan agensi yang berkaitan di samping bekerjasama dengan agensi penarafan antarabangsa dalam meningkatkan daya saing Malaysia. Kumpulan Kerja Meningkatkan Daya Saing berperanan untuk mengenalpasti bidang penambahbaikan dan cabaran dalam meningkatkan daya saing Malaysia, untuk menyelaras dan bekerjasama dalam usaha meningkatkan daya saing, dan untuk mengesyorkan strategi dan pelan tindakan untuk meningkatkan kedudukan daya saing Malaysia di peringkat global. Manakala Kumpulan Perancangan Antara Agensi (IAPG) berperanan menyelaras dan bekerjasama untuk memastikan data daya saing

### Global Competitiveness

In an effort to elevate Malaysia's competitiveness at the international level, MPC is entrusted to monitor the nation's competitiveness performance. This is in line with the government's aspiration for Malaysia to be a developed country by year 2020. To achieve this, several programmes had been implemented while some are still ongoing.

Among the programmes that were implemented and are ongoing is the close collaboration with other government agencies in the setting up of the Task Force and Working Group on Enhancing Competitiveness and the Inter-Agency Planning Group (IAPG) on Competitiveness Data. Whereas at the international level, this includes the strengthening of collaboration with partner institutes, by conducting more discussions with and visits to international organisations.

In ensuring that the monitoring is carried out in a structured and organised manner, the Taskforce and Working Group on Enhancing Competitiveness and the Inter-Agency Planning Group (IAPG) on Competitiveness Data were established. The Taskforce's main objectives are; to develop national policies to address short and long term competitiveness issues, to prioritise competitiveness issues that have greatest impact on productivity, standard of living and leadership in the global market, and to collaborate with relevant bodies and agencies as well as to engage with international ranking agencies involved in enhancing Malaysia's competitiveness. The main objectives of the Working Group on Enhancing Competitiveness are; to identify areas for improvement and challenges towards enhancing Malaysia's competitiveness, to coordinate and collaborate efforts in enhancing Malaysia's competitiveness, and to propose strategies and action plans to improve Malaysia's global competitiveness ranking. Whereas, the Inter-Agency Planning Group (IAPG) coordinates and collaborates efforts in ensuring competitiveness data is current and reflective of the actual situation in Malaysia as well as engages with international data providers so as

adalah terkini dan mencerminkan situasi sebenar di Malaysia, dan bekerjasama dengan pembekal data antarabangsa bagi memastikan data daya saing Malaysia dilaporkan dengan betul. Kedua-duanya disertai oleh wakil-wakil dari agensi pusat yang terpilih dan juga wakil dari sektor swasta. Penglibatan semua iaitu pihak Kerajaan, sektor swasta dan awam & rakyat serta pemantauan yang dibuat secara berterusan membolehkan MPC mengenalpasti kekuatan dan cabaran-cabaran yang perlu diatasi dari masa ke semasa dalam usaha meningkatkan daya saing negara.

Kumpulan Kerja Perancangan Antara Agensi (IAPG) dianggotai oleh 17 agensi Kerajaan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain. IAPG akan menyemak, menilai dan menentusahkan data-data sebelum dibekalkan kepada agensi penarafan dan lain-lain agensi antarabangsa terlebih dahulu. Ia bertujuan untuk memastikan maklumat dan data yang dibekalkan adalah tepat, terkini dan mencerminkan keadaan sebenar di Malaysia. IAPG juga menjadi pusat rujukan sekiranya terdapat isu-isu berkaitan data.

Selain daripada menubuhkan IAPG, MPC juga telah menjadi ahli Jawatankuasa Pengguna Utama anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). MPC diambil kira sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab mengenai isu berkaitan data Daya Saing. Bagi tujuan tersebut, MPC juga sering mengadakan perbincangan susulan dengan agensi-agensi tertentu seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan lain-lain ke arah memantapkan lagi isu-isu berkaitan data daya saing dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

to ensure Malaysia's competitiveness data is well represented. Both are participated by representatives from selected central agencies and the private sector. Participation from all parties, including government, private and public sectors and citizens, as well as continuous monitoring would enable MPC to identify the strengths and overcome the challenges in its effort to enhance national competitiveness.

The Inter-Agency Planning Group (IAPG) comprises 17 government agencies namely the Department of Statistics, Ministry of Finance Malaysia, Central Bank of Malaysia, Ministry of Science, Technology and Innovation, Ministry of Education, Ministry of Health, Ministry of Human Resources and others. IAPG verifies, evaluates and validates data prior to submission to the rating agencies and other international agencies. This is important so as to ensure information and data supplied are correct, latest and reflective of the actual situation. IAPG is the focal point of reference for any issue in relation to the data.

Aside from setting up of IAPG, MPC has been included as a member of the Main User Committee of the Department of Statistics Malaysia (DOSM). MPC is acknowledged as the agency that is responsible for issues related to competitiveness data. As a result, MPC frequently organises follow-up discussions with agencies, such as Malaysian Communications and Multimedia Commission (SKMM), Ministry of Health, Ministry of Education, Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) and others, towards strengthening issues relating to competitiveness data and other competitiveness matters.



Program Meningkatkan Daya Saing Malaysia  
Programme to Enhance Malaysia's Competitiveness

Dalam memantapkan lagi jalinan kerjasama antarabangsa, MPC mengadakan kerjasama strategik bersama dengan Rakan Institusi (Partner Institute), khususnya dengan *Institute for Management Development* (IMD) dan *World Economic Forum* (WEF). Lawatan kerja di kedua-dua agensi tersebut dianjurkan setiap tahun bagi memperkukuhkan lagi hubungan kolaborasi ini dan bagi maksud tersebut, beberapa projek usahasama turut diadakan. Wakil dari agensi berkenaan juga turut diundang ke Malaysia sebagai pakar rujuk dalam bidang daya saing.

Hubungan kerjasama dengan beberapa agensi antarabangsa seperti *The Heritage Foundation*, *World Intellectual Property Organisation* (WIPO), *Organisation for Economic and Co-operation Development* (OECD) dan INSEAD turut dijalin dalam usaha untuk memahami dengan lebih baik metodologi serta kaedah yang digunakan dalam penerbitan masing-masing. Sebahagian daripada terbitan mereka adalah merupakan laporan daya saing yang dipantau oleh MPC. Melalui hubungan strategik antara kedua-dua pihak ini dapat memberi peluang kepada MPC untuk mengemukakan sebarang cadangan penambahbaikan, usul atau komen terhadap penerbitan masing-masing.

Selain daripada mengadakan lawatan ke organisasi-organisasi berkenaan untuk mempelajari amalan-amalan terbaik dari negara maju, MPC juga mengadakan lawatan sambil belajar di beberapa negara di rantau Asia seperti Singapura, Korea dan Taiwan. Lawatan ke negara-negara maju dan negara jiran yang bersaing rapat dengan Malaysia dapat memberikan perspektif yang lebih baik dalam merancang strategi dan tanda aras untuk memperbaiki kedudukan daya saing Malaysia.

Dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan daya saing, jabatan ini menganjurkan beberapa siri *Competitiveness Champion Programme* yang dijalankan dalam pelbagai bentuk seperti seminar, bengkel, perbincangan meja bulat (RTD), *luncheon talk* dan sebagainya. Melalui program ini, peserta berkongsi maklumat mengenai prestasi daya saing negara, inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan, perkembangan ekonomi semasa dan berkongsi amalan-amalan terbaik syarikat. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi kefahaman masyarakat terhadap kepentingan mengukuhkan daya saing Negara. Ia juga bertujuan untuk menangani persepsi negatif masyarakat ekoran daripada kurang faham terhadap isu daya saing serta kepentingannya terhadap Negara dalam era globalisasi dan persaingan yang begitu kompetitif.

Dalam usaha untuk membekalkan maklumat berkaitan isu daya saing, ia turut dijalankan melalui aktiviti-aktiviti penerbitan MPC.

In further strengthening international cooperation, MPC had signed strategic agreements with partner institutes, especially with the Institute for Management Development (IMD) and World Economic Forum (WEF). This initiative will be enhanced through working visits, organised every year, to these agencies and collaborative joint venture projects. Representatives from these agencies were also invited to Malaysia as expert consultants in competitiveness.

Cooperation with few international agencies, such as the Heritage Foundation, World Intellectual Property Organisation (WIPO), Organisation for Economic and Co-operation Development (OECD) and INSEAD were also established in an effort to understand better the methodology used in their respective publications. Some of their publications were in relation to competitiveness reports monitored by MPC. Through strategic relationships, MPC has the opportunity to suggest improvements or make comments on the respective publications.

Besides conducting visits to these organisations to learn developed countries' best practices, MPC also organised study visits to several Asian countries, such as Singapore, Korea and Taiwan. Visits to developed countries and neighbouring countries, which compete closely with Malaysia, could give better insight into strategic planning and benchmarking to improve Malaysia's competitiveness ranking.

In its efforts to enhance public knowledge on the importance of competitiveness, this department also organises a series of Competitiveness Champion Programmes such as seminars, workshops, round table (RTD) discussions and luncheon talks. Through these programmes, participants share information on national competitiveness performance, initiatives that were carried out by the government, the current economic performance and also companies' best practices. Indirectly, this initiative managed to enhance the public's knowledge on the importance of strengthening the nation's competitiveness. It also assists in dealing with the negative perceptions of the public, a result of lack of understanding on issues in relation to competitiveness as well as its importance to the nation in this era of globalisation whereby the competition is very stiff.

The other method of disseminating information in relation to competitiveness is through MPC's various publications.

MPC, menghasilkan penerbitan di dalam bentuk percetakan dan elektronik serta mempergiatkan kerjasama bukan sahaja di antara agensi-agensi kerajaan dan industri, tetapi juga termasuk ahli-ahli akademik, perniagaan dan persatuan. Penerbitan MPC merangkumi pelbagai topik meluas meliputi kreativiti dan inovasi, produktiviti dan peningkatan kualiti, kecemerlangan organisasi, amalan-amalan terbaik, kajian kes, koleksi daya saing dan berita antarabangsa. Penyusunan hasil pembentangan kertas kerja di seminar, forum, bengkel, persidangan, perbincangan meja bulat dan sesi latihan anjuran MPC juga diterbitkan bagi tujuan perkongsian maklumat dan pengetahuan. Seajar dengan transformasi dan inovasi dalam bidang penerbitan dan percetakan MPC telah memperbanyakkan penerbitan elektronik seperti *Global Competitiveness Infoline* dan *e-bulletin* yang diterbitkan secara berkala dan *e-bookshelf*.

MPC merupakan salah satu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memantau isu berkaitan daya saing negara. Selaras dengan itu, MPC mengadakan pemantauan rapi mengenai prestasi daya saing Malaysia dalam tiga laporan utama iaitu melalui *World Competitiveness Yearbook (WCY)* oleh *Institute for Management Development (IMD)*, *Global Competitiveness Report (GCR)* oleh *World Economic Forum (WEF)* dan *Doing Business (DB)* oleh *World Bank (WB)*. MPC juga menganalisa dan memantau tujuh lagi laporan baru selain daripada 19 laporan daya saing sedia ada yang merangkumi bidang-bidang seperti perniagaan, kesihatan, pendidikan, sains dan teknologi, modal insan, ekonomi, infrastruktur, kewangan dan alam sekitar.

Malaysia jelas mendapat pengiktirafan dari agensi-agensi penarafan antarabangsa di dalam laporan masing-masing. Sebagai contohnya, di dalam GCR 2012-2013, WEF telah meletakkan Malaysia di tahap peralihan dari tahap pembangunan yang didorong oleh kecekapan ke arah tahap pembangunan yang didorong oleh inovasi.

Manakala dalam *Doing Business 2013*, Bank Dunia telah memperakui Malaysia di antara sepuluh ekonomi teratas di rantau APEC yang melakukan banyak pembaharuan serta menunjukkan kemajuan yang terkehadapan dalam amalan-amalan berkaitan peraturan. Bank Dunia mengambil maklum usaha Malaysia dalam menubuhkan *Regulatory Reform Committee* antara kementerian. Antara amalan terbaik di Malaysia termasuklah menawarkan maklumat “cadastre” secara atas talian di bawah Pendaftaran Hartanah dan juga boleh memfailkan aduan secara elektronik dalam Penguatkuasaan Kontrak.

Pada 2012, hasil daripada inisiatif-inisiatif yang dijalankan secara berterusan di semua peringkat telah berupaya melonjakkan kedudukan daya saing Malaysia di peringkat global dalam beberapa laporan antarabangsa pada tahun lepas. Berdasarkan enam laporan

MPC produced several publications, in printed and electronic forms, as well as conducts networking sessions between government agencies and industries, academicians, businesses and associations. MPC’s publications encompass various extensive topics that cover issues on creativity and innovation, productivity and quality improvement, organisational excellence, best practices, case studies, collections of competitiveness and international news. Working papers presented in seminars, forums, workshops, conferences, round table discussions and training sessions organised by MPC, were also compiled and published for knowledge and information sharing. In line with transformation and innovation in the printing and publication areas, MPC has increased its electronic publications, namely *Global Competitiveness Infoline*, *e-bulletin* and *Competitiveness e-Bookshelf* that are published regularly.

MPC is one of the agencies entrusted to monitor issues in relation to the nation’s competitiveness. Henceforth, MPC monitors closely Malaysia’s competitiveness performance in three main reports, namely *World Competitiveness Yearbook (WCY)* published by *Institute for Management Development (IMD)*, *Global Competitiveness Report (GCR)* by *World Economic Forum (WEF)* and *Doing Business (DB)* by *World Bank (WB)*. MPC also analyses and monitors seven other new reports, in addition to the 19 existing reports, on competitiveness which covered areas such as business, health, education, science and technology, human capital, economy, infrastructure, finance and environment.

In those respective reports, Malaysia obtained recognition from international ranking agencies. For example, in GCR 2012-2013, WEF has moved Malaysia up the stage of development to be in the transition stage towards innovation-driven stage from efficiency-driven stage.

On the other hand, in the *Doing Business 2013*, the World Bank has acknowledged Malaysia as among the top ten reformers within the APEC region that made up the most progress towards the frontier in regulatory practices. Malaysia was also cited by the World Bank for establishing the *Regulatory Reform Committee* at the inter-ministerial level. Among Malaysia’s good practices include offering cadastre information online under Registering Property and allowing electronic filing of complaints under Enforcing Contracts.

In 2012, as a result of continuous initiatives being carried out at all levels, Malaysia improved its competitiveness ranking at the international level, as reported in several international

Peningkatan Prestasi Daya Saing Malaysia Dalam Laporan Antarabangsa  
 Malaysia's Competitiveness Performance Enhancement in International Reports



antarabangsa yang disenaraikan, Malaysia berjaya mencatatkan peningkatan prestasi daya saingnya pada tahun 2012 berbanding beberapa tahun kebelakangan.

Bagi memastikan prestasi daya saing Malaysia di peringkat global akan terus dipertingkat serta diperkukuhkan, ianya adalah menjadi keutamaan dan tanggungjawab bersama di semua peringkat individu, syarikat dan institusi. Dalam menggerakkan program transformasi, ia tidak hanya bergantung kepada Kerajaan sahaja tetapi setiap rakyat haruslah mengubah cara pemikiran agar lebih inovatif dan produktif dan pada masa yang sama mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi, berpandangan jauh dan berani untuk mengambil risiko. Dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan berganda pada masa depan, perkara-perkara tersebut haruslah diberi keutamaan. Adalah menjadi harapan dengan mengukuhkan daya saing akan dapat menarik lebih banyak pelaburan dari dalam dan luar untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang akhirnya berupaya memberi limpahan kemakmuran dan kualiti hidup yang lebih baik kepada semua rakyat.

reports. Based on the six international reports listed, Malaysia recorded advancement in competitiveness performance in year 2012 compared to previous year.

To ensure that Malaysia's competitiveness performance at the global level improves and strengthens, the collective responsibility at all levels, individual, company and institution should be prioritised. In forging ahead with the transformation programme, it should be the responsibility of every citizen and not just the government alone to adopt a paradigm shift to be more innovative and productive and at the same time have high entrepreneurial spirit, far-sightedness and be bold to take risks. In an effort to stimulate growth further, these need to be given priority. Hopefully through this competitiveness strengthening, more local and foreign investments will be attracted to stimulate the country's economic growth, in which the spillover effects will bring prosperity and better quality of life to all Malaysians.

# MEMUDAHKAN PERATURAN PERNIAGAAN

SIMPLIFYING BUSINESS REGULATION

Malaysia



2

# Inisiatif Memodenkan Peraturan Perniagaan

## initiatives in modernising the business regulation

Jabatan Semakan Peraturan MPC telah ditubuhkan pada Januari 2011 hasil daripada kajian penstrukturan semula MPC yang dijalankan oleh *Boston Consulting Group*, sebagaimana dicadangkan oleh Lembaga Pengarah, MPC. Selaras dengan objektif untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara, jabatan ini telah diberikan mandat dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk menerajui semakan semula peraturan perniagaan secara menyeluruh dan menambahbaik proses dan prosedur sektor ekonomi utama. Fokus jabatan ini meliputi semua sektor ekonomi dengan memberi keutamaan kepada peraturan yang memberi kesan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEAs).

Antara inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2012 adalah:

### Inisiatif Kumpulan Petugas dalam Memudahkan Menjalankan Perniagaan

Dalam *Doing Business (DB) Report 2013* yang dikeluarkan oleh Bank Dunia pada tahun 2012, kedudukan Malaysia telah meningkat ke tempat ke-12 di kalangan 185 negara, iaitu meningkat enam tangga di kedudukan ke-18 dalam DB2012. Bank Dunia menekankan amalan-amalan terbaik dari Malaysia seperti berikut:

- Menawarkan maklumat "cadastre" dalam talian di bawah Pendaftaran Hartanah (Registering Property);
- Mengagihkan data pinjaman di bawah 1% daripada pendapatan per kapita di bawah Mendapatkan Kredit (Getting Credit);
- Penentuan tugas yang jelas bagi pengarah dalam hal urus niaga dengan pihak berkaitan di bawah Melindungi Pelabur (Protecting Investors);
- Membenarkan aduan pemfailan elektronik di bawah Penguatkuasaan Kontrak (Enforcing Contracts);

Di bawah penglibatan konstruktif Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), dengan kerjasama ahli-ahli sektor awam dan swasta, beberapa Kumpulan Fokus telah ditubuhkan untuk menangani isu penyampaian perkhidmatan awam dan kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia.

The Regulatory Review Division of MPC was established in January 2011 as a result of a restructuring exercise of MPC. The restructuring was a result of a study by the Boston Consulting Group, initiated by the Board of Directors, MPC. Consistent with the objective of raising national productivity and competitiveness, the Division was mandated in the Tenth Malaysia Plan to spearhead a comprehensive review of business regulations and improve processes and procedures of major economic sectors. The Division's focus covers all sectors of the economy with priority given to regulations affecting National Key Economic Areas (NKEAs).

Among the initiatives undertaken in 2012 were:

### Focus Group Initiatives on Ease of Doing Business

In the *Doing Business (DB) Report 2013* released by the World Bank in 2012, Malaysia improved its ranking to 12<sup>th</sup> position among 185 countries, moving up six places from 18<sup>th</sup> in DB2012. The World Bank highlighted the following good practices from Malaysia:

- Offering cadastre information online under Registering Property;
- Distributing data on loans below 1% of income per capita under Getting Credit;
- Defining clear duties for directors in case of related-party transactions under Protecting Investors; and
- Allowing electronic filing of complaints under Enforcing Contracts.

Under the constructive engagement of PEMUDAH, the Special Taskforce to Facilitate Businesses, with the public and private sector members working in collaboration, several Focus Groups have been established to address issues on public service delivery and the ease of doing business in Malaysia.

Bagi menyelaraskan usaha-usaha di antara sektor swasta dan awam dalam meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan, MPC telah diberi tanggungjawab sebagai sekretariat kepada 10 Kumpulan Fokus di bawah PEMUDAH iaitu:

- Proses Perkhidmatan Perniagaan;
- Kecekapan Sektor Swasta;
- Perhubungan Awam;
- Pengurusan Permit Pembinaan;
- Mendapatkan Bekalan Elektrik;
- Pendaftaran Hartanah;
- Pembayaran Cukai;
- Penguatkuasaan Kontrak;
- Menyelesaikan Insolvensi; dan
- Pengambilan Pekerja.

**Memodenkan Lesen Perniagaan Di Peringkat Kebangsaan**  
Inisiatif semakan semula peraturan-peraturan secara menyeluruh dengan menghapuskan beban peraturan yang lapuk dan tidak perlu yang menghalang keberkesanan perniagaan adalah kritikal dalam agenda nasional bagi Malaysia mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi.

#### Peringkat Persekutuan

Kumpulan Fokus Perkhidmatan Proses Perniagaan (FGBPR) telah melaksanakan projek Pemodenan Lesen Perniagaan (MBL) terhadap 23 kementerian dan agensi di Peringkat Persekutuan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 779 lesen perniagaan telah disemak semula dan direka bentuk serta dikompositkan kepada 452 lesen perniagaan.

Kesan daripada aktiviti perkhidmatan lesen perniagaan adalah:

- Masa Memproses Dipercepatkan;
- Borang-Borang Dipermudahkan;
- Bilangan Dokumen Sokongan Dikurangkan;
- Kuasa Melulus Diberikan Kepada Pegawai Yang Layak;
- Yuran Dikurangkan Atau Dimansuhkan;
- Tempoh Sah Lesen Dilanjutkan;
- Jumlah Agensi Yang Dirujuk Dikurangkan; dan
- Kos Pematuhan Kepada Komuniti Perniagaan Dikurangkan.

Lesen-lesen yang telah dipermudahkan seterusnya diautomasi atau diintegrasikan ke dalam portal *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS). BLESS ialah satu pusat sehenti atas talian untuk membuat permohonan lesen, permit dan kelulusan dalam satu masa. BLESS juga menyediakan maklumat dan kemudahan untuk memulakan dan menjalankan permohonan lesen perniagaan.

To streamline and coordinate efforts between the private and public sectors in enhancing the ease of doing business, MPC is tasked as secretariat for 10 Focus Groups under the purview of PEMUDAH. These 10 Focus Groups are:

- Business Process Reengineering;
- Private Sector Efficiency;
- Public Relations;
- Dealing with Construction Permits;
- Getting Electricity;
- Registering Property;
- Paying Taxes;
- Enforcing Contracts;
- Resolving Insolvency; and
- Employing Workers.

**Modernising Business Licensing at the National Level**  
A comprehensive review of regulations by removing unnecessary regulatory burdens that impede business effectiveness is critical on the national agenda for Malaysia towards achieving high income economy status.

#### Federal Level

The Focus Group on Business Process Re-engineering in Business Licensing (FGBPR) undertook the Modernising Business Licensing (MBL) project and facilitated 23 ministries and agencies at Federal Level.

779 licenses were re-engineered and composited into 452 business licenses.

The impacts of the simplified business licenses are:

- Shorter Processing Time;
- Simplified Forms;
- Reduced Number of Supporting Documents;
- Empowerment of Qualified Officers to Approve License;
- Reduction or Elimination of Fees;
- Extended Validity Period of License;
- Reduction in Number of Referred Agencies; and
- Reduction in Compliance Cost to Businesses.

The simplified licenses were automated or integrated into the Business Licensing Electronic Support System (BLESS) portal. BLESS is an online one stop centre for simultaneous applications of licenses, permits and approvals. It also provides information and facilities for starting and operating business license applications.

## Peringkat Negeri

Projek MBL Peringkat Negeri bermula di Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak.

## State Level

At state level, Modernising Business Licensing (MBL) projects were introduced in Pahang, Negeri Sembilan, Melaka and Sarawak.

Penyertaan Mengikut Sektor Awam dan Swasta  
Participation According to Private and Public Sectors

Negeri State	Jumlah Agensi Total Agencies	Jumlah Semakan Lesen Total License Reviewed	Lesen Dikekalkan License Maintained	Rekayasa Re-engineered	Mansuh Abolished
Pahang	14 Agensi Kerajaan 14 Government Agencies	213	82	107	1
Negeri Sembilan	14 Agensi Kerajaan 14 Government Agencies	197	90	32	1
Melaka	10 Agensi Kerajaan 10 Government Agencies	115	66	35	-
Sarawak	21 Agensi Kerajaan 21 Government Agencies	161	161	161	-

Kos pematuhan terhadap komuniti perniagaan dianggarkan sebanyak RM238 juta di Pahang, RM85 juta di Negeri Sembilan, RM54 juta di Melaka, dan RM25 juta di Sarawak.

The estimated compliance cost for business community for Pahang is RM238 million, Negeri Sembilan RM85 million, Melaka RM54 million and Sarawak RM25 million.

Kesemua projek kerajaan di atas dijangka siap pada 2013 dengan pembentangan keputusan kepada PEMUDAH Peringkat Negeri dan mengadakan rundingan awam terutamanya komuniti perniagaan bagi cadangan penambahbaikan. Pelaksanaan projek ini akan dipantau secara dekat dari masa ke semasa.

All the above state projects are expected to be completed by 2013 with the presentation of results to the state PEMUDAH Review Panel together with public consultation for improvement proposals. The implementation of this project will be closely monitored.

## Inisiatif Pembaharuan Dalam Pengurusan Permit Pembinaan

Proses untuk memperolehi permit pembinaan telah dipermudahkan dengan memperkenalkan garis panduan standard (Standard Guidelines), mengkategorikan sistem pemeriksaan berasaskan risiko dan kawal selia sendiri, projek pembangunan dan meningkatkan ciri-ciri operasi Pusat Setempat sedia ada (One Stop Centre - OSC) untuk permit bangunan.

## Reform Initiatives in Dealing with Construction Permits

Malaysia made the process of obtaining construction permits easier by introducing Standard Guidelines, categorising risk-based and self-regulatory inspection system, development projects and improving the operational features of the existing One Stop Centre (OSC) for building permits.

### i. Penambahbaikan Dalam OSC

Melalui inisiatif ini, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur telah menambahbaik pelaksanaan OSC bagi permit pembinaan dengan memperkenalkan *OSC 1Submission* yang dlancarkan di bawah Pekeliling No.1/2012 bertarikh 4 Mei 2012 oleh Ketua Setiausaha

### i. Improvement in OSC

City Hall of Kuala Lumpur has further improved the implementation of the OSC for construction permits by introducing *OSC 1Submission* launched under Circular No.1/2012, dated 4 May 2012, issued by the Secretary General, Ministry of Federal Territories and

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Pekeliling ini dikuatkuasakan pada 1 Jun 2012. Pusat Sehati termasuk tettingkap tunggal (single window) diwujudkan untuk kelulusan-kelulusan sebelum dan selepas pembinaan.

- ii. Pengenalan Pembangunan Berasaskan Risiko  
Pekeliling No.1/2012 merupakan mandatori bagi arkitek mengemukakan dan memperoleh permit melalui OSC untuk bangunan yang menepati kriteria untuk *OSC 1Submission*. Dengan peraturan baru, pemaju bertanggungjawab untuk pemeriksaan sementara semasa pembinaan jalanraya, perparitan dan pembentungan. Keputusan ini memudahkan prosedur, memendekkan masa memproses dan mempercepatkan kelulusan.

- **Pemudahan Keperluan Statutori**  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan *Standard Guidelines* untuk pembinaan *protective hoarding* dan papan tanda pada bulan Mei 2012. Dengan garis panduan ini, pemaju tidak perlu lagi memperoleh permit bagi kedua-dua pembinaan tersebut atau membayar yuran memproses untuk kelulusan-kelulusan ini.
- Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah memansuhkan keperluan memperoleh permit bagi tong sampah (RORO Bin) sebelum memulakan pembinaan. Ia menjadi tanggungjawab pemaju untuk melantik kontraktor berdaftar bagi membuang serpihan pembinaan di kawasan tersebut. Dengan inisiatif ini, bilangan interaksi di antara arkitek atau pembina dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dapat dikurangkan.

Kesan daripada perubahan ini adalah:

- Jumlah prosedur telah dikurangkan dari 37 kepada 10;
- Masa diambil telah dikurangkan daripada 140 hari kepada 100 hari; dan
- Kos telah dikurangkan dari 17.5% hingga 11.4% GNI per kapita.

Urban Wellbeing. This circular came into force on 1 June 2012. The One Stop Centre includes a single window for pre-construction and post-construction approvals.

- ii. Introduction of Risk-Based Development  
Circular No.1/2012 makes it mandatory for architects to submit and obtain permits via the improved OSC for buildings which meet the criteria for OSC 1Submission. With new regulation, builders became responsible for interim inspections on Road and Drainage and Sewerage during construction. This results in simplified procedures, shorter processing time and speedier approvals.

- **Simplification of Statutory Requirements**  
Kuala Lumpur City Hall issued Standard Guidelines for the construction of protective hoarding and construction signboard in May 2012. With these guidelines, builders are not required to obtain permits for constructing hoarding and signboard or to pay processing fee for these respective approvals.
- In addition, Kuala Lumpur City Hall has eliminated the requirement to obtain permit for dust bin (RORO Bin) before construction starts. It is now the responsibility of the builder to engage a registered contractor to dispose construction debris from the site. With this initiative, the number of interactions between architects or builders and Kuala Lumpur City Hall has been reduced.

The impacts of these reforms are:

- The number of procedures was reduced from 37 to 10;
- Time taken was reduced from 140 days to 100 days; and
- Cost was reduced from 17.5% to 11.4% of GNI per capita.

Penambahbaikan OSC ini telah terbukti meningkatkan kecekapan dalam pengurusan permit pembinaan. Ia telah menunjukkan satu pengurangan luar biasa dalam pengambilan masa, jumlah prosedur dan kos.

The improved One Stop Centre has been proven reliable in improving efficiency in dealing with construction permits. It has demonstrated a remarkable reduction in the time taken, number of procedures and costs.

## Mempertingkatkan Kecekapan Pemprosesan Bank Melalui Dokumentasi Yang Standard Bagi Perjanjian Pinjaman Perumahan

Satu inisiatif yang dipelopori oleh Kumpulan Fokus Kecekapan Sektor Swasta (Focus Group Private Sector Efficiency), dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan industri kewangan telah mencadangkan semua institusi-institusi perbankan komersial mengguna pakai dokumentasi yang standard untuk perjanjian pinjaman perumahan konvensional dan pembiayaan rumah yang melibatkan jumlah pokok sebanyak RM500,000 ke bawah, berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk meningkatkan pemahaman peminjam dan kebolehbandingan terma dan syarat utama perjanjian pinjaman, termasuk tanggungjawab dan obligasi peminjam dan pembiaya kewangan di bawah perjanjian tersebut. Inisiatif ini bertujuan untuk mempromosikan keberkesanan proses perniagaan ke arah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Institusi perbankan dikehendaki menyediakan terma dan syarat utama secara konsisten mengikut satu contoh yang dibangunkan oleh Persatuan Bank Malaysia (The Association of Banks in Malaysia) dalam perundingan dengan Bank Negara Malaysia. Templat tersebut juga menjelaskan terma dan syarat utama dalam bahasa yang mudah. Ini akan membantu pengguna dalam membuat perbandingan di antara bank-bank dan mengurangkan risiko peminjam yang tidak betul-betul memahami terma kontrak perjanjian disebabkan variasi di antara bank-bank dalam huraian dan penempatan terma dan syarat utama; dan penggunaan bahasa yang tidak jelas atau rumit.

Institusi perbankan dikehendaki menggunakan templat tersebut bagi semua perjanjian pinjaman perumahan konvensional dan pembiayaan rumah yang ditawarkan kepada individu-individu untuk pembiayaan kediaman hartanah dengan jumlah pokok bernilai RM500,000 ke bawah. Jumlah pokok merujuk kepada satu jumlah pinjaman untuk harga belian harta kediaman. Pinjaman atau pembiayaan bagaimanapun boleh dilanjutkan untuk membiayai kos pengubahsuaian, *Mortgage Reducing Term Assurance* - MRTA atau premium insurans lain yang dibenarkan oleh institusi perbankan dan yuran guaman yang dikenakan yang berkaitan bagi pembelian harta.

## Enhancing Efficiency of Banking Processes Through Standardised Documentation for Housing Loan Agreements

An initiative spearheaded by the Focus Group on Private Sector Efficiency, in collaboration with the Central Bank of Malaysia and the financial industry, proposed that all commercial banking institutions to adopt a standardised documentation for conventional housing loan and home financing agreements involving a principal sum of RM500,000 and below, with effect from 1 January 2013,

The primary objective of this initiative is to enhance borrowers' understanding and comparability of the key terms and conditions of the loan agreements, including the responsibilities and obligations of borrowers and financiers under such agreements. This initiative aims to promote the efficacy of business processes towards enhancing the quality of service delivery in the financial services sector.

Banking institutions are required to present key terms and conditions in a consistent manner following a template developed by The Association of Banks in Malaysia (ABM) in consultation with Bank Negara Malaysia. The template also describes these key terms and conditions using simplified language. This will assist consumers in making comparisons between banks and reduce the risk of borrowers not fully understanding the contractual terms of their agreements due to variations between banks in the description and placement of key terms and conditions, and the use of language that is unclear or complicated.

Banking institutions are required to adopt this template for all conventional housing loan and home financing agreements offered to individuals for the financing of residential properties valued at principal sum of RM500,000 and below. The principal sum refers to only the loan amount for the purchase price of the residential property. The loan or financing can however extend to cover renovation costs, Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA) or such other insurance premium as may be permitted by the banking institution and legal fees incurred in connection to the purchase of the property.

## Memodenkan Peraturan Perniagaan Melalui Indikator Penguatkuasaan Kontrak

Indikator Penguatkuasaan Kontrak (EC) mengukur kecekapan sistem kehakiman dan menyelesaikan pertikaian komersial. Data yang dibangunkan adalah mengikut evolusi langkah demi langkah pertikaian jualan komersial sebelum memasuki mahkamah tempatan. Pengukuran penyelesaian penguatkuasaan kontrak untuk menjual barangan adalah dengan menggunakan tiga indikator - jumlah prosedur, masa yang diambil oleh plaintif bermula dari proses saman sehingga pembayaran diterima, dan jumlah kos di dalam matawang Amerika Syarikat.

Pengukuran adalah berdasarkan kepada prosedur yang dijalankan di mahkamah yang terletak di bandar besar yang mana mempunyai bidang kuasa ke atas kes-kes yang melibatkan tuntutan yang bersamaan dengan 200% daripada pendapatan per kapita (dalam kes Malaysia, ini berjumlah kira-kira RM 50,000).

Di antara inisiatif yang telah diperkenalkan adalah:

- i. Menerbitkan Buku Panduan mengenai prosedur Mahkamah dan Piagam Pelanggan yang akan dilancarkan pada tahun 2013. Buku Panduan juga diterbitkan secara atas talian dan juga diedarkan kepada orang ramai bertujuan mendidik mereka mengenai prosiding mahkamah dan tempoh masa yang diambil secara keseluruhan.
- ii. Kajian Analisis ke atas Data untuk tahun 2011 juga dibuat bagi memenuhi keperluan Laporan Bank Dunia yang menunjukkan bahawa di Kuala Lumpur, hanya 10% daripada kes-kes yang difailkan adalah dalam lingkungan RM50,000 - RM60,000.

Satu sidang video telah diadakan dengan Bank Dunia bagi membincangkan isu berkaitan kos (peratus tuntutan), berikutan amalan di Malaysia berhubung Yuran Peguam adalah tidak berdasarkan jumlah tuntutan, tetapi bergantung kepada kapasiti kerja yang dilakukan, hierarki mahkamah, kerumitan kes dan pengalaman peguam. Sehubungan itu, kaedah yang digunakan dengan mengambilkira 200% daripada pendapatan per kapita sebagai kuantum tuntutan untuk barang-barang yang tidak dibayar adalah tidak bertepatan dengan senario di Negara Malaysia. Ini adalah kerana pada umumnya nilai tuntutan yang difailkan di mahkamah adalah lebih tinggi. Perbincangan menerusi sidang video dengan Bank Dunia ini diharapkan dapat mengubah persepsi mereka sekaligus dapat meningkatkan kedudukan Malaysia di antara kedudukan

## Modernising Business Regulation through Enforcement Contract Indicator

The Enforcement Contract Indicator measures the judiciary system efficiency and resolving commercial dispute. Data is developed step by step in accordance with the commercial sales dispute before filing in accordance to the court's jurisdiction. For sale of products, the measurement for Enforcement Contract resolution is based on three indicators namely number of procedures, time taken by plaintiff from the stage of summons until payment received, and total costs in US currency.

The measurement is based on the procedure carried out in courts, located at large cities with jurisdiction on cases with claims equivalent to 200% of per capita income (in Malaysian cases, approximately RM 50,000).

Among the initiatives introduced were:

- i. Published a Guidebook on Courts Procedure and Clients Charter that would be launched in 2013. The Guidebook would also be published online and disseminated to members of public to educate them on court proceedings as well as the overall period taken.
- ii. Analytical Study on Data for year 2011, were also made to meet the World Bank Report's requirement which showed that in Kuala Lumpur, only 10% of cases filed were within RM50,000 - RM60,000.

A video conference, with the World Bank, was conducted discussing issues in relation to costs (claims percentage), in reference to the practice in Malaysia that the Legal Fees are not based on total claims but rather are dependant on the load of the work carried out, the court hierarchy involved, complexities of the case and the lawyer's experience. On the contrary, the method of using 200% of per capita income as quantum claim for goods that were not paid, is not compatible with the scenario in Malaysia, which would result in the amount claimed in court to be higher. It is hoped that the video conference conducted with the World Bank could shed some light and changed their perception as well as to elevate Malaysia's rank to be among top positions for the Enforcement Contract Indicator in Doing Business Report 2014.

teratas untuk indikator Penguatkuasaan Kontrak (EC) ini di Laporan *Doing Business* 2014.

## Memodenkan Peraturan Perniagaan Melalui Indikator Penyelesaian Insolvensi

Penunjuk Penyelesaian Insolvensi mengkaji masa, kos dan hasil prosedur insolvensi ketidakmampuan melibatkan entiti domestik. Di antara andaian oleh Bank Dunia untuk indikator ini adalah, jika sesuatu perniagaan itu mengalami masalah kecairan, iaitu kegagalan membayar bayaran pinjaman sebagai contoh RM2.6 juta kepada bank pada 2 Januari 2012, kehendak pihak bank adalah penyelesaian yang cepat dan mudah manakala pemiutang tidak bercagar penjualan secara *piecemeal*. Pemilik mahu mendapat kelayakan sebagai *going concern*. Penyelesaian bergantung kepada sama ada perniagaan hotel diiktiraf sebagai *going concern* atau aset syarikat itu dijual secara *piecemeal*. Jika operasi perniagaan adalah *going concern* bertujuan untuk menyelamatkan prosedur atau penyusunan semula, bank boleh mendapatkan balik sepenuhnya atau 100% jumlah hutang, tetapi jika aset dijual sebagai *piecemeal* (pembubaran), jumlah maksimum yang boleh diperolehi semula tidak akan melebihi 70% daripada tuntutan bank, (yang diterjemahkan kepada 70 sen pada matawang Amerika Syarikat).

Pada bulan November 2012, dengan bantuan seorang pakar dari Amerika Syarikat, kumpulan Fokus untuk indikator Penyelesaian Insolvensi ini telah membangunkan Pelan Tindakan 2013, untuk menunjukkan kepada Bank Dunia bahawa pemiutang bercagar Malaysia boleh memilih opsyen untuk pulih pinjaman mereka dan biasanya akan memilih penerimaan (*receivership*) berdasarkan kajian kes hipotesis dan andaian. Pelan Tindakan ini juga merangkumi kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan penerimaan, terutamanya masa yang diambil untuk pembayaran pertama dibuat kepada pemiutang bercagar.

Dengan kajian dan inisiatif yang telah dijalankan, pihak Bank Dunia akan dapat lebih memahami senario yang berlaku di Malaysia, di mana perniagaan hotel akan dijual sebagai *going concern* melalui penerimaan (*receivership*). Ini meningkatkan *recovery rate* bank kepada kira-kira 88 sen (dalam matawang Amerika Syarikat), berbanding dengan 44.7 sen (dalam matawang Amerika Syarikat), sepertimana yang dilaporkan di dalam Laporan *Doing Business* 2013 (di mana Malaysia berada di kedudukan ke-49 daripada 185 negara). Masa yang diambil juga akan dapat dikurangkan kepada kira-kira enam bulan dari tarikh pelantikan Penerima (Receiver), berbanding 1.5 tahun seperti yang kini dilaporkan dalam Laporan *Doing Business* 2013. Dengan peningkatan dalam kadar pemulihan dan masa, adalah dijangkakan bahawa kedudukan Malaysia juga akan bertambah baik.

## Modernising Business Regulation Through Insolvency Solution Indicator

The Insolvency Solution Indicator reviews the period, costs and the results of insolvency procedure involving domestic entity. Among the World Bank's hypothesis for this indicator is that if a business was experiencing liquidity issue, namely failure to service a loan, for example of RM2.6 million to the bank on 2 January 2012, the bank's quick and easy solution would be to resolve the matter in the speediest manner whilst the creditor do not have any charge to dispose off his assets on piecemeal basis. Nevertheless, the owner wants his business to qualify as a "going concern". The solution is very much depending on whether the hotel business is recognised as a going concern or the company asset. If it is the company's asset then it has to be sold on a piecemeal basis. But, if the business operation is regarded as a going concern, the aim would be to save the business and would involve restructuring in which the bank could recover 100% of the total debt. But if the asset were sold on a piecemeal basis, the maximum amount that the bank could recover would not exceed 70% of its claim, (that is translated to 70 cents in US currency).

In November 2012, with the assistance of an external expert from the United States, the Focus Group for Insolvency Solution Indicator developed the Action Plan for 2013, to present to the World Bank that based on hypothesis and assumption case studies, a secured creditor in Malaysia can opt to regularise his loan and usually will chose Receivership as a method of settlement. This Action Plan also includes study to obtain relevant Receivership information, especially period taken for the first payment to be made to the secured creditor.

